



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

---

**GARIS PANDUAN  
IHTIFAL LUGHAWI SEKOLAH-SEKOLAH  
(ILSS)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
TAHUN 2024**

---

Bahagian Pendidikan Islam  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## PERATURAN UMUM PERTANDINGAN

1. Garis panduan ini diedarkan kepada semua jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah sebagai rujukan aktiviti pembangunan adab dan nilai yang berbentuk pertandingan.
2. Berikut adalah senarai acara pertandingan Ihtifal Lughawi Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM):

Bil	Acara	Kategori	
1.	Daie Cilik	Sekolah Rendah	Lelaki
			Perempuan
2.	Mimbar Daie	Sekolah Menengah	Lelaki
			Perempuan
3.	Kalam 'Arabiyy	Sekolah Rendah	Lelaki
			Perempuan
4.	Kalimatus Sobah	Menengah Rendah	Terbuka
		Menengah Atas	Terbuka
5.	Kalam Jamaie	Sekolah Rendah	Terbuka
6	Kuiz Bahasa Arab	Sekolah Menengah	Terbuka

3. Penyertaan peserta adalah berdasarkan kelas yang didaftarkan pada sesi persekolahan tahun semasa. Seorang peserta layak menyertai satu acara sahaja.
4. Pakaian peserta mestilah **menutup aurat dengan sempurna dan sopan**:
  - i. Peserta lelaki perlu berbaju melayu (cekak musang) yang lengkap; berkain samping, bersongkok hitam dan berkasut; dan
  - ii. Peserta perempuan perlu berbaju kurung, bertudung yang sempurna dan sopan serta berkasut.
5. Pertandingan ini dipertandingkan bermula dari peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan.
6. Semua pertandingan berdasarkan syarat dan peraturan bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

7. Tarikh pelaksanaan peringkat kebangsaan adalah seperti berikut:

Peringkat	Tarikh akhir penyertaan	Tarikh undian giliran & tema	Tarikh Pertandingan
Kebangsaan	Sebulan sebelum pertandingan	Sehari sebelum pertandingan	Mengikut takwim yang ditetapkan

8. Tarikh pelaksanaan peringkat sekolah, daerah dan negeri adalah mengikut kesesuaian masing-masing.
9. Tema Ihtifal Lughawi Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (ILSS) ialah  
**“ADAB DAN NILAI MENJANA KARAMAH INSANIAH”**

## 1 DAIE CILIK

### PENGENALAN

- 1.1 Pertandingan ini diadakan untuk mengembangkan bakat dan potensi murid Islam dalam **bidang pengucapan awam kontemporari Bahasa Melayu** berasaskan kurikulum Pendidikan Islam. Kurikulum ini berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) **Tahun 1 hingga Tahun 6**.
- 1.2 Penyampaian yang disampaikan adalah dalam keadaan **santai, kreatif, menarik perhatian dan menyentuh hati pendengar (sedih,gembira dan kecindan)**.

### TERMA DAN SYARAT

- 1.3 Penyertaan terbuka kepada semua **murid Islam** sekolah KPM pada sesi persekolahan tahun semasa.
- 1.4 Kategori pertandingan terbahagi kepada dua iaitu:

Bil	Kateg ori	Kelas
1	Sekolah Rendah - Lelaki	Tahun 1 - 6
2	Sekolah Rendah - Perempuan	Tahun 1 - 6

- 1.5 Tema penyampaian adalah seperti berikut:

Bil	Tema	Bidang
1	Rukun Iman	Akidah
2	Rukun Islam	Ibadah
3	Sifat Mahmudah	Adab dan Akhlak

1.6 Masa persembahan:

- 1.6.1 masa penyampaian ialah 4 hingga 5 minit sahaja.
  - 1.6.2 loceng akan dibunyikan sekali pada minit keempat (ke-4) dan dua kali pada minit kelima (ke-5) menandakan waktu telah tamat.
  - 1.6.3 Masa dikira apabila loceng permulaan dibunyikan setelah peserta berada di atas pentas.
- 1.7 Penggunaan *props* **dibenarkan tetapi tidak dinilai**. Kesan bunyi **tidak dibenarkan**. Karya adalah *ASLI*.
- 1.8 Penggunaan dialek daerah dibenarkan tidak melebihi 10% atau 30 saat daripada keseluruhan penyampaian tazkirah.
- 1.9 Pihak pengajur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.

## PENILAIAN JURI

- 1.10 Setiap penyertaan akan melalui proses penilaian aspek berikut:
- i. Penyampaian (60 markah);
  - ii. Isi (20 markah); dan
  - iii. Bahasa (20 markah).
- 1.11 Peserta yang mendapat markah tertinggi akan diisyiharkan sebagai johan pertandingan, seterusnya tempat kedua,ketiga,keempat dan kelima.
- 1.12 Sekiranya berlaku persamaan markah, maka penentuan pemenang akan dirujuk kepada markah penyampaian, seterusnya markah isi dan jika masih berlaku persamaan, dirujuk kepada markah bahasa.
- 1.13 Sekiranya masih berlaku persamaan markah, jemaah juri akan bersidang untuk menentukan pemenang.
- 1.14 Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

**BORANG PENILAIAN  
PERTANDINGAN DAEI CILIK  
SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Nombor Giliran peserta:	
Kategori:	
Pertandingan peringkat:	Daerah / Negeri / Kebangsaan
Tajuk:	
Tarikh penjurian:	

<b>Penyampaian 60 markah</b>	<b>Isi 20 markah</b>	<b>Bahasa 20 markah</b>
1. Pergerakan tubuh badan dan mimik muka (gaya tangan,pergerakan tubuh badan,hubungan mata dengan penonton dan mimik muka) 15 markah	1. Dalil naqli (ayat Al-Quran atau Hadith) (Mengandungi mesej utama tazkirah & kupasan) 5 markah	1. Bahasa Melayu Kebangsaan (Bahasa yang jelas mudah difahami oleh pendengar) 10 markah
2. <i>Rapport</i> dengan penonton (sapaan/fokus) 5 markah	2. Kupasan dalil (menyokong dalil naqli) 5 markah	2. Bacaan dalil naqli yang tepat (tajwid bagi ayat Al-Quran dan fasih sebutan bagi hadith) 8 markah
3. Kreativiti penyampaian (ceria/sedih/kecindiran) 10 markah	3. Analogi/Kisah teladan menyokong tajuk (menyokong mesej utama) 5 markah	3. Mempunyai elemen peribahasa (cth :simpulan bahasa,kiasan,bidalan dll ) 2 markah
4. Kelancaran kata (tidak tersekat/ tidak ulang ayat yang sama/ tidak gagap) 10 markah	4. Mesej utama/tajuk (jelas idea dan mesej yang hendak disampaikan) 5 markah	
5. Nada dan Intonasi yang sesuai (sesuai dengan emosi yang dibawa) 10 markah		
6. Penampilan dan kekemasan diri 5 Markah		
7. Kesopanan dalam penyampaian (sesuai dengan watak seorang daie) 5 markah		
Markah diperolehi:	Markah diperolehi:	Markah diperolehi:

Nama juri		Jumlah markah
Tandatangan		

## 2. MIMBAR DAIE

### PENGENALAN

- 2.1. Pertandingan ini diadakan untuk mengembangkan bakat dan potensi murid Islam dalam **bidang pengucapan awam kontemporari dalam Bahasa Melayu** berdasarkan kurikulum Pendidikan Islam. Kurikulum ini berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) **Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5**.
- 2.2. Persembahan yang disampaikan adalah format **tazkirah** yang **santai, menarik perhatian, menyentuh hati pendengar dan kreatif**. Elakkan persembahan yang berunsurkan format pidato, syarahan atau bercerita.

### TERMA DAN SYARAT

- 2.3. Penyertaan adalah terbuka kepada semua **murid Islam** sekolah KPM pada sesi persekolahan tahun semasa.
- 2.4. Kategori pertandingan terbahagi kepada 2 iaitu:

Bil	Kategori	Kelas
1	Sekolah Menengah – Lelaki	Tingkatan 1 - Tingkatan 5
2	Sekolah Menengah – Perempuan	Tingkatan 1 - Tingkatan 5

- 2.5. Tema tazkirah adalah seperti berikut:

Kategori Lelaki	Kategori Perempuan
1. Iman 2. Solat 3. Zakat 4. Adab memberi sedekah 5. Adab bernegara	1. Islam 2. Puasa 3. Perkahwinan 4. Adab menjaga alam 5. Adab berjual beli

2.6. Masa persembahan:

- 2.6.1 Masa persediaan adalah 2 minit selepas peserta membuat cabutan tema. Masa persediaan mula dikira apabila peserta berada di tempat persediaan.
  - 2.6.2 Masa persembahan adalah 6 minit. Masa dikira apabila loceng permulaan dibunyikan setelah peserta berada di atas pentas.
  - 2.6.3 Loceng akan dibunyikan sekali pada minit kelima (ke-5) dan dua kali pada minit keenam (ke-6) menandakan waktu telah tamat.
- 2.7. Pihak pengajur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.

### PENILAIAN JURI

- 2.8. Setiap penyertaan akan melalui proses penilaian aspek berikut:
  - i. Penyampaian dan persembahan (50 markah);
  - ii. Isi (30 markah); dan
  - iii. Bahasa (20 markah).
- 2.9. Peserta yang mendapat markah tertinggi akan diisytiharkan sebagai johan pertandingan, seterusnya tempat kedua,ketiga,keempat dan kelima.
- 2.10. Sekiranya berlaku persamaan markah, maka penentuan pemenang akan dirujuk kepada markah penyampaian dan persembahan. Jika masih berlaku persamaan, dirujuk kepada markah isi dan seterusnya bahasa.
- 2.11. Sekiranya masih berlaku persamaan markah, jemaah juri akan bersidang untuk menentukan pemenang.
- 2.12. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

**BORANG PENILAIAN  
PERTANDINGAN MIMBAR DAIE  
SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Nombor Giliran Peserta:	
Kategori:	
Peringkat:	Daerah / Negeri / Kebangsaan
Tema:	
Tarikh:	

Penyampaian & Persembahan 50 markah	Isi 30 markah	Bahasa 20 markah
<b>1. Rapport dengan penonton</b> (10 markah) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyampaian dimulakan dengan Salam dan Hamdalah/ Selawat -2 markah</li> <li>• Menarik perhatian dan fokus penonton kepada tajuk dan isi tazkirah –2 markah</li> <li>• Hubungan mata dengan penonton–2 markah</li> <li>• Menyapa penonton (<i>minimum dua sapaan</i>)–2 markah</li> <li>• Sapaan jelas –2 markah</li> </ul>	1. Dalil naqli ( <b>minimum satu</b> ayat Al-Quran atau Hadith) (10 markah) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkaitan dengan tema – 4 markah</li> <li>• Terjemahan Dalil Naqli – 4 markah</li> <li>• Sumber Dalil Naqli - 2 markah</li> </ul> 2. Kupasan dalil (menyokong dalil naqli) 5 markah	1. Bahasa yang jelas (mudah difahami oleh pendengar) 5 markah 2. Bacaan dalil naqli yang tepat (Ayat Al-Quran: Betul tajwid dan makhraj serta membaca isti'azah atau basmalah) (Hadith: Fasih sebutan makhraj) 5 markah
<b>2. Kreativiti penyampaian</b> (20 markah) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Variasi teknik persembahan (<i>minimum 2 teknik</i>) – 4 markah</li> <li>• Mempunyai sekurang-kurangnya dua emosi – 4 markah</li> <li>• Kesinambungan penyampaian idea – 4 markah</li> <li>• Penyampaian yang menarik- 4 markah</li> <li>• Kemampuan menarik penonton menjiwai penyampaian – 4 markah</li> </ul>	3. Analogi / Kisah teladan (menyokong mesej utama) 5 markah	3. Kelancaran kata (tidak tersekat / tidak ulang ayat yang sama / tidak gagap) 5 markah
<b>3. Pergerakan tubuh badan dan mimik muka</b> (15 markah) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gaya tangan yang sesuai – 3 markah</li> <li>• Gerakan tangan yang tidak terlalu kaku -3 markah</li> <li>• Kepelbagai dan kesesuaian mimik muka – 3 markah</li> <li>• Persembahan beradab dan meyakinkan – 3 markah</li> <li>• Persembahan yang santai dan natural –3 markah</li> </ul>	4. Mesej utama/Tajuk (idea dan mesej yang hendak disampaikan jelas) 10 markah	4. Nada suara dan intonasi yang jelas dan sesuai (sesuai dengan emosi yang dibawa) 5 markah
<b>4. Kawalan pentas</b> (3 markah) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai pergerakan yang tidak statik– 1 markah</li> <li>• Pergerakan yang terkawal – 1 markah</li> <li>• Penggunaan ruang pentas yang sesuai–1 markah</li> </ul>		
<b>5. Penampilan diri</b> (2 markah) <ul style="list-style-type: none"> <li>• pakaian yang menutup aurat dengan sempurna, memenuhi syarat pertandingan dan kemas</li> </ul>		
Markah diperolehi:	Markah diperolehi:	Markah diperolehi:

Nama juri		<b>Jumlah markah</b>
Tandatangan		

### 3. KALAM ‘ARABIY

#### PENGENALAN

- 3.1. Pertandingan ini diadakan untuk mengembangkan bakat dan potensi murid Islam dalam **bidang pengucapan awam dalam Bahasa Arab** berdasarkan kurikulum Bahasa Arab. Kurikulum ini berasaskan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) **Tahun 1 hingga Tahun 6**.
- 3.2. Persembahan yang disampaikan adalah dalam keadaan **santai, kreatif, menarik perhatian dan menyentuh hati pendengar**.

#### TERMA DAN SYARAT

- 3.3. Penyertaan terbuka kepada semua **murid Islam** sekolah KPM pada sesi persekolahan tahun semasa.
- 3.4. Kategori pertandingan terbahagi kepada dua iaitu:

Bil	Kategori	Kelas
1	Sekolah Rendah - Lelaki	Tahun 1 - 6
2	Sekolah Rendah - Perempuan	Tahun 1 - 6

- 3.5. Tema persembahan adalah seperti berikut:

##### 3.5.1 Tema kategori lelaki

Bil	Tema
1	الأَدْوَاتُ الدِّرَاسِيَّةُ
2	الْأَنْشِطَةُ الْأَصَقِيقَةُ
3	حُبُّ الْوَطَنِ

### 3.5.2 Tema kategori perempuan

Bil	Tema
1	المَلَابِسُ
2	الحَيَوانَاتُ
3	الأَمْلُ وَالِمَهْنُ

### 3.6. Masa persembahan:

- 3.6.1. Masa persembahan ialah 5 minit.
- 3.6.2. Loceng akan dibunyikan sekali pada minit keempat (ke-4) dan dua kali pada minit kelima (ke-5) menandakan waktu telah tamat.
- 3.6.3. Masa dikira apabila loceng permulaan dibunyikan sebaik sahaja peserta memulakan kalam.

### 3.7. Bahagian Penyampaian:

- 3.7.1. Peserta **dibenarkan** untuk memasukkan elemen syair/ gurindam/ pantun/ sajak/ nasyid (ala padang pasir atau kontemporari secara minimalis (tidak melebihi 3 kali dalam keseluruhan persembahan sehingga mendominasi keutamaan kalam).

3.7.2. Perkara yang **tidak dibenarkan** dalam penyampaian adalah seperti berikut:

- i. Peserta tidak dibenarkan menggunakan sebarang alat sokongan;
- ii. Unsur lakonan dan main peranan atau watak yang **berlebihan** tidak dibenarkan. Peserta perlu menyampaikan kalam dengan gaya pertuturan yang bersahaja dan santai: tidak seperti nada berpidato atau bercerita; dan
- iii. Peserta tidak dibenarkan mendapat sebarang tunjuk ajar atau bantuan dalam bentuk isyarat atau apa medium sekalipun semasa persembahan.

3.8. Bahagian Isi:

3.8.1. Setiap isi dalam persembahan hendaklah mengandungi:

- i. Lafaz salam dan kata aluan; dan
- ii. Pengenalan tajuk.

3.8.2. Isi yang sempurna huraiannya yang mengandungi:

- i. Isi;
- ii. Huraian isi;
- iii. Huraian lengkap (contoh/dalil/kesan); dan
- iv. Kesimpulan bagi setiap isi.

3.8.3. Penutup yang mengandungi:

- i. Merangkumi kesimpulan keseluruhan; dan
- ii. Lafaz penutup.

3.9. Bahagian Bahasa

3.9.1. Kandungan teks hendaklah menggunakan uslub bahasa Arab yang sesuai dengan tahap murid sekolah rendah dan menggunakan daftar kata (mufradat) yang terkandung dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun 1 hingga Tahun 6.

3.9.2. Penggunaan bahasa Arab *fusahah* yang terang dan jelas serta *makhraj* huruf yang betul.

3.9.3. Penggunaan dialek *ammiah* atau bahasa pasar tidak dibenarkan.

3.9.4. Pengucapan kalam menggunakan tatabahasa (nahu) yang tepat.

## PENILAIAN JURI

3.10. Setiap penyertaan akan melalui proses penilaian aspek berikut:

- i. Penyampaian (40 markah);
- ii. Isi (30 markah); dan
- iii. Bahasa (30 markah).

3.11. Peserta yang mendapat markah tertinggi akan diisyiharkan sebagai johan pertandingan, seterusnya tempat kedua,ketiga,keempat dan kelima.

- 3.12. Sekiranya berlaku persamaan markah, maka penentuan pemenang akan dirujuk kepada markah penyampaian, seterusnya markah isi dan jika masih berlaku persamaan, dirujuk kepada markah bahasa.
- 3.13. Sekiranya masih berlaku persamaan markah, jemaah juri akan bersidang untuk menentukan pemenang.
- 3.14. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

**BORANG PENILAIAN  
PERTANDINGAN KALAM ‘ARABIY  
SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Nombor giliran peserta:	
Kategori:	
Pertandingan peringkat:	Daerah / Negeri / Kebangsaan
Tema:	
Tarikh penjurian:	

Penyampaian 40 markah	Isi 30 markah	Bahasa 30 markah
Kelancaran = 15 markah	Kata aluan = 2 markah  Pengenalan tajuk = 2 markah	Uslub = 5 markah
Kesesuaian nada dan gaya persembahan= 15 markah	<u>Isi (3) = 24 markah</u> Isi = 1 markah Huraian isi = 3 markah Huraian lengkap (contoh/ dalil/ kesan) = 3 markah Kesimpulan isi = 1 markah	Nahu= 10 markah ● Penilaian kepada nahu, uslub dan lajhah. ● Setiap 2 kesalahan nahu dipotong 1 markah.
Meyakinkan= 10 markah	Penutup penyampaian= 2 markah	Lajjah= 15 markah
Markah diperolehi:	Markah diperolehi:	Markah diperolehi:

Nama juri		Jumlah markah
Tandatangan		

## 4. KALIMATUSSOBAH

### PENGENALAN

- 4.1. Pertandingan ini diadakan untuk mengembangkan bakat dan potensi murid Islam dalam **bidang pengucapan awam dalam Bahasa Arab sepenuhnya** berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah.
- 4.2. Persembahan yang disampaikan adalah dalam keadaan **santai, kreatif, menarik perhatian dan menyentuh hati pendengar**. Persembahan perlu berbeza dengan gaya pidato atau perdebatan.

### TERMA DAN SYARAT

- 4.3. Penyertaan terbuka kepada semua **murid Islam** sekolah KPM pada sesi persekolahan tahun semasa.
- 4.4. Kategori pertandingan iaitu:

Bil	Kategori	Kelas
1	Menengah Rendah – Terbuka	Tingkatan 1 – Tingkatan 3
2	Menengah Atas – Terbuka	Tingkatan 4 – Tingkatan 5

- 4.5. Tema persembahan adalah seperti berikut:

Bil	Tema	Bil	Tema
1.	الجتماعي	4.	الرياضي
2.	التربوي	5.	الديني
3.	السياحي		

- 4.6. Masa persembahan:
  - 4.6.1. Masa persediaan ialah **dua** minit selepas peserta membuat cabutan tema.
  - 4.6.2. Masa persembahan ialah **empat hingga lima** minit.
  - 4.6.3. Masa dikira apabila sebaik sahaja peserta memulakan persembahan.
  - 4.6.4. Loceng akan dibunyikan **sekali** pada minit **keempat** dan **dua** kali pada minit **kelima** menandakan waktu telah tamat.
  - 4.6.5. Juri akan memuktamadkan markah setelah loceng kedua dibunyikan.
- 4.7. Soalan tambahan:
  - 4.7.1. Setiap peserta perlu menjawab soalan tambahan yang diajukan oleh juri.
  - 4.7.2. Soalan tambahan adalah tentang tema persembahan.
  - 4.7.3. Masa menjawab soalan tambahan ialah **dua** minit.
  - 4.7.4. Juri akan memberi markah soalan tambahan berdasarkan mutu isi yang diutarakan, bahasa dan persembahan yang meyakinkan.
- 4.8. Pihak pengajur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.

## PENILAIAN JURI

- 4.9. Setiap penyertaan akan melalui proses penilaian aspek berikut:
  - i. Penyampaian (30 markah);
  - ii. Isi (30 markah);
  - iii. Bahasa (30 markah); dan
  - iv. Soalan tambahan (10 markah).
- 4.10. Peserta yang mendapat markah tertinggi akan diisytiharkan sebagai johan pertandingan, seterusnya tempat kedua,ketiga,keempat dan kelima.

- 4.11. Sekiranya berlaku persamaan markah, maka penentuan pemenang akan dirujuk kepada markah penyampaian, seterusnya markah isi dan jika masih berlaku persamaan, dirujuk kepada markah bahasa seterusnya markah soalan tambahan.
- 4.12. Sekiranya masih berlaku persamaan markah, jemaah juri akan bersidang untuk menentukan pemenang.
- 4.13. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

**BORANG PENJURIAN**  
**PERTANDINGAN KALIMATUSSOBAH**  
**SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Nombor giliran peserta:	
Kategori:	
Pertandingan peringkat:	Daerah / Negeri / Kebangsaan
Tema/Tajuk:	
Tarikh penjurian:	

Penyampaian 30 markah	Isi 30 markah	Bahasa 30 markah																				
1. Persembahan yang lancar dan meyakinkan. <b>8 markah</b> 2. Sebutan yang fasih dan tepat. <b>8 markah</b> 3. Kesesuaian nada dan intonasi. <b>8 markah</b> 4. Pergerakan yang sesuai. <b>3 markah</b> 5. Kekemasan diri <b>3 markah</b>	1. Menyampaikan sekurang-kurangnya 3 (tiga) isi. <b>6 markah</b> 2. Isi perlu disampaikan bersama huraihan. <b>15 markah</b> 3. Setiap isi perlu disertakan dengan dalil sama ada nas Al-Quran, Hadis, kata hikmah atau fakta dan data yang disertakan dengan sumber. <b>6 markah.</b> 4. Penghayatan hadis 40 Imam Al-Nawawi diselitkan pada mana-mana isi persembahan. <b>3 markah</b>	1. Bahasa Arab yang standard. <b>10 markah</b> 2. Tatabahasa yang betul. <b>10 markah</b> 3. Gaya bahasa yang menepati maksud. <b>10 markah</b>																				
Markah diperolehi:	Markah diperolehi:	Markah diperolehi:																				
<b>Soalan Tambahan</b> 1. Respon yang relevan dengan soalan 2. Laras bahasa yang sesuai dengan maksud yang hendak disampaikan 3. Tiada kesalahan bahasa 4. Penyampaian yang meyakinkan	<b>Rubrik Markah</b> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th></th> <th>Sempurna</th> <th>Hampir sempurna</th> <th>Kurang sempurna</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><i>Memenuhi semua kriteria:</i></td><td>10 markah</td><td>9 markah</td><td>8 markah</td></tr> <tr> <td><i>Memenuhi mana-mana 3 kriteria</i></td><td>7 markah</td><td>6 markah</td><td>5 markah</td></tr> <tr> <td><i>Memenuhi mana-mana 2 kriteria</i></td><td>4 markah</td><td>3 markah</td><td>2 markah</td></tr> <tr> <td><i>Memenuhi 1 kriteria</i></td><td align="center" colspan="3"><b>1 markah</b></td></tr> </tbody> </table>			Sempurna	Hampir sempurna	Kurang sempurna	<i>Memenuhi semua kriteria:</i>	10 markah	9 markah	8 markah	<i>Memenuhi mana-mana 3 kriteria</i>	7 markah	6 markah	5 markah	<i>Memenuhi mana-mana 2 kriteria</i>	4 markah	3 markah	2 markah	<i>Memenuhi 1 kriteria</i>	<b>1 markah</b>		
	Sempurna	Hampir sempurna	Kurang sempurna																			
<i>Memenuhi semua kriteria:</i>	10 markah	9 markah	8 markah																			
<i>Memenuhi mana-mana 3 kriteria</i>	7 markah	6 markah	5 markah																			
<i>Memenuhi mana-mana 2 kriteria</i>	4 markah	3 markah	2 markah																			
<i>Memenuhi 1 kriteria</i>	<b>1 markah</b>																					
<b>Markah Soalan Tambahan</b>																						

Nama Juri		Jumlah Markah
Tandatangan		

## 5. KALAM JAMAIE

### PENGENALAN

- 5.1. Pertandingan ini bertujuan untuk mengembangkan potensi murid Islam dalam **bidang seni berbicara dalam bahasa Arab** berasaskan kurikulum Bahasa Arab Tahun 1 hingga Tahun 6.
- 5.2. Persembahan yang disampaikan adalah dalam keadaan **kreatif dan menarik perhatian pendengar**.

### TERMA DAN SYARAT

- 5.3. Penyertaan terbuka kepada semua **murid Islam** sekolah KPM pada sesi persekolahan tahun semasa.
- 5.4. Kategori pertandingan iaitu:

Bil	Kategori	Kelas
1	Sekolah Rendah – Terbuka	Tahun 1 – 6

- 5.5. Tema persembahan adalah seperti berikut:

Bil	Tema	Bil	Tema
1	الأشخاص في المدرسة	4	الشهور الميلادية
2	نظافة الجسم	5	الأنشطة الاصفية
3	حب الوطن	6	الحيوانات

- 5.6. Kandungan teks hendaklah menggunakan uslub bahasa Arab yang sesuai dengan tahap murid sekolah rendah dan menggunakan daftar kata (mufradat) yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan Buku Teks Bahasa Arab Tahun 1 hingga Tahun 6.

5.7. Penyertaan:

- 5.7.1. Setiap kumpulan hanya terdiri daripada **satu jenis jantina sahaja** (kumpulan lelaki atau kumpulan perempuan).
- 5.7.2. Setiap peserta adalah warganegara Malaysia.
- 5.7.3. Setiap peserta hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga.

5.8. Bilangan Peserta :

Bilangan peserta setiap kumpulan adalah **13 orang** sahaja **termasuk** seorang konduktor.

5.9. Pakaian:

- 5.9.1. Pakaian peserta hendaklah sopan dan menutup aurat.
- 5.9.2. Pakaian peserta tidak boleh melambangkan negeri yang diwakili.
- 5.9.3. Baju kurung dan bertudung sempurna bagi peserta perempuan.
- 5.9.4. Hiasan dan solekan adalah sederhana dan tidak melampau serta bersesuaian dengan peraturan dan garis panduan berpakaian yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 5.9.5. Konduktor tidak dibenarkan memakai *blazer*.

5.10. Masa persembahan:

- 5.10.1. Setiap kumpulan diberi masa selama **8 - 10 minit sahaja** untuk membuat persembahan.
- 5.10.2. Masa akan dikira apabila *kalam* bermula di atas pentas.
- 5.10.3. Markah akan dipotong jika persembahan kurang daripada 8 minit atau melebihi 10 minit.

5.11. Bahasa :

- 5.11.1. Penggunaan bahasa arab *fasahah* yang terang dan jelas serta *makhraj huruf* yang betul.
- 5.11.2. Penggunaan dialek *ammiah* atau bahasa pasar **tidak dibenarkan**.
- 5.11.3. Istilah khas bukan bahasa arab dibenarkan **tidak melebihi 10 patah perkataan**.
- 5.11.4. Kata nama khas dan nama tempat tidak perlu diterjemah kepada bahasa Arab.

5.12. Penyampaian :

- 5.12.1. Peserta tidak dibenarkan membaca nota atau teks semasa persembahan.
- 5.12.2. Cara persembahan :
- a. Diketuai oleh seorang konduktor
    - i. Kedudukan konduktor tidak membelakangi juri;
    - ii. Konduktor tidak dibenarkan bersuara sepanjang persembahan; dan
    - iii. Konduktor tidak dibenarkan membuat pergerakan yang keterlaluan dan kurang sopan.
  - b. Mementingkan aspek pertuturan dan percakapan.
  - c. Penggunaan elemen keseniaan seperti nasyid/ qasidah/ zikir/ selawat/ syair hanya dibenarkan 3 kali sahaja dalam persembahan.
  - d. Panjang setiap eleman tersebut tidak boleh mendominasi keseluruhan persembahan.
  - e. Memek muka dan intonasi suara yang baik.
  - f. Pergerakkan sopan yang **dibenarkan** hanyalah daripada paras pinggang ke atas.
    - i. Kaki: **tidak boleh** diangkat atau dihentak tetapi boleh dijengketkan tanpa mengubah kedudukan;
    - ii. Lutut: **tidak** boleh dibengkokkan;
    - iii. Badan: **dibenarkan** memusingkan badan ke kiri dan ke kanan tanpa menggerakkan kaki atau tunduk melebihi rukuk;
    - iv. Tangan: **bebas** digerakkan tetapi **tidak melebihi** paras kepala (kecuali konduktor); dan
    - v. Kepala: pergerakkan dibenarkan.

5.13. Skrip:

- 5.13.1. Skrip hendaklah ciptaan baru dan asli.
- 5.13.2. Empat (4) salinan skrip hendaklah diserahkan kepada urusetia pertandingan semasa pertandingan.
- 5.13.3. Skrip hendaklah bertaip komputer berdasarkan kriteria seperti berikut:
  - i. Huruf "Traditional Arabic";
  - ii. Bersaiz 22;
  - iii. Jarak langkau 1.0 baris;
  - iv. Berbaris; dan
  - v. Muka depan hanya perlu dinyatakan tema, tajuk dan nama kumpulan sahaja.
- 5.13.4. Isu-isu sensitif berkaitan dengan agama, bangsa, politik, kebudayaan atau pun menyentuh peribadi seseorang adalah dilarang.
- 5.13.5. Tiada pengenalan kumpulan dalam skrip (nama sekolah, nama negeri dan sebagainya).
- 5.13.6. Sumber rujukan skrip perlu dinyatakan.

5.14. **Tidak dibenarkan** menggunakan sebarang **peralatan sokongan** semasa persembahan.

5.15. Pihak pengajur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.

## PENILAIAN JURI

5.16. Setiap kumpulan akan dijuri mengikut aspek-aspek berikut:

- 5.16.1. **Suara** (30 markah)
  - i. Intonasi dan tekanan sebutan;
  - ii. Lontaran suara yang jelas dan difahami; dan
  - iii. Keharmonian dan kesepaduan suara.

- iv. Tempo yang bersesuaian;
- v. Keharmonian eleman kesenian; dan
- vi. Suara dinamik dan bervariasi.

**5.16.2. Persembahan (30 markah)**

- i. Persembahan yang meyakinkan;
- ii. Pergerakan yang harmoni dan seragam;
- iii. Kelancaran;
- iv. Memek muka yang bersesuaian;
- v. Pergerakan konduktor yang sesuai;
- vi. Kesopanan (pakaian dan pergerakan); dan
- vii. Variasi pergerakan dan kreatif.

**5.16.3. Isi (25 Markah)**

- i. Isi bersesuaian dengan tajuk;
- ii. Idea yang tersusun; dan
- iii. Pengolahan isi yang baik.

**5.16.4. Bahasa (15 Markah)**

- i. Bahasa Arab *fusahah*;
- ii. *Makhraj* yang jelas dan tepat;
- iii. Tatabahasa yang tepat; dan
- iv. Uslub.

5.17. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi akan diisyiharkan sebagai johan pertandingan, seterusnya tempat kedua,ketiga,keempat dan kelima.

5.18. Sekiranya berlaku persamaan markah, maka penentuan pemenang akan dirujuk kepada markah suara, seterusnya markah persembahan dan jika masih berlaku persamaan, dirujuk kepada markah isi dan seterusnya markah bahasa.

- 5.19. Sekiranya masih berlaku persamaan markah, jemaah juri akan bersidang untuk menentukan pemenang.
- 5.20. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

NO.GILIRAN:

**BORANG PENILAIAN  
PERTANDINGAN KALAM JAMAIE  
SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BAHAGIAN SUARA (30 MARKAH)**

PERKARA	ULASAN	MARKAH				
Tekanan sebutan dan intonasi = 10 markah		10	9	8	7	6
		5	4	3	2	1
Tempo yang bersesuaian = 5 markah		5	4	3	2	1
Keharmonian dan kesepaduan kalam = 5 markah		5	4	3	2	1
Lontaran suara yang jelas dan difahami = 5 markah		5	4	3	2	1
Keharmonian elemen keseniaan = 3 markah		3	2	1		
Suara dinamik dan bervariasi = 2 markah		2	1			
<b>JUMLAH MARKAH</b>						

Tandatangan Juri: .....

Tandatangan Ketua Juri : .....

Nama: .....

Nama: .....

Tarikh:

Tarikh:

NO.GILIRAN:

**BORANG PENILAIAN  
PERTANDINGAN KALAM JAMAIE  
SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BAHAGIAN PERSEMBAHAN (30 MARKAH)**

<b>PERKARA</b>	<b>ULASAN</b>	<b>MARKAH</b>				
Gaya persembahan = 22 markah - Pergerakan yang harmoni/seragam - Memek muka yang bersesuaian - Kesopanan (pakaian dan gaya tidak keterlaluan) - Meyakinkan - Variasi dan kreatif		22 21 20 19 18 17 16 15 14 13 12 11 10 9 8 7 6 5 4 3 2 1				
Kelancaran = 5 markah		5 4 3 2 1				
Konduktor = 3 markah - Kesopanan (gaya tidak keterlaluan) - Keselarasan arahan		3 2 1				
<b>JUMLAH MARKAH</b>						

Tandatangan Juri: .....

Nama: .....

Tarikh:

Tandatangan Ketua Juri : .....,

Nama: .....

Tarikh:

NO.GILIRAN:

**BORANG PENILAIAN  
PERTANDINGAN KALAM JAMAIE  
SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BAHAGIAN ISI (25 MARKAH)**

<b>PERKARA</b>	<b>ULASAN</b>	<b>MARKAH</b>
• Pendahuluan = 2 markah		2      1
• <b>Isi 1</b> ( 7 markah ) -Isi utama = 1 markah -Huraian isi = 4 markah -Contoh/dalil/isu semasa = 2 markah		7      6      5      4 3      2      1
• <b>Isi 2</b> ( 7 markah ) -Isi utama = 1 markah -Huraian isi = 4 markah -Contoh/dalil/isu semasa = 2 markah		7      6      5      4 3      2      1
• <b>Isi 3</b> ( 7 markah ) -Isi utama = 1 markah -Huraian isi = 4 markah -Contoh/dalil/isu semasa = 2 markah		7      6      5      4 3      2      1
• Penutup = 2 markah		2      1
<b>JUMLAH MARKAH</b>		

Tandatangan Juri: .....,

Nama: .....

Tarikh:

Tandatangan Ketua Juri : .....,

Nama: .....

Tarikh:

NO.GILIRAN:

**BORANG PENILAIAN  
PERTANDINGAN KALAM JAMAIE  
SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BAHAGIAN BAHASA (15 MARKAH)**

<b>PERKARA</b>	<b>ULASAN</b>	<b>MARKAH</b>
Menggunakan bahasa Arab fushah = 5 markah		5    4    3    2    1
Makhraj yang jelas dan tepat = 5 markah		5    4    3    2    1
Tatabahasa yang tepat = 3 markah		3    2    1
Uslub (penggunaan gaya bahasa yang betul) = 2 markah		2    1
<b>JUMLAH MARKAH</b>		

Tandatangan Juri: .....

Tandatangan Ketua Juri : .....,

Nama: .....

Nama: .....

Tarikh:

Tarikh:

## 6. KUIZ BAHASA ARAB

### PENGENALAN

- 6.1. Pertandingan ini bertujuan untuk **menguji penguasaan murid dalam Bahasa Arab** yang merangkumi sukanan pelajaran Bahasa Arab tingkatan satu hingga tingkatan lima.
- 6.2. Pertandingan ini memerlukan peserta untuk menjawab soalan-soalan berkaitan yang akan dijalankan secara berperingkat. (Saringan 1, Separuh akhir dan Akhir)

### TERMA DAN SYARAT

- 6.3. Penyertaan adalah terbuka kepada semua **murid Islam** sekolah KPM pada sesi persekolahan tahun semasa.
- 6.4. Setiap negeri hanya dibenarkan menghantar satu (1) pasukan sekolah menengah sahaja.
- 6.5. Bilangan peserta dalam satu pasukan adalah tiga (3) orang sahaja.
- 6.6. Setiap pasukan boleh diwakili oleh murid lelaki dan murid perempuan dari sekolah yang sama atau sekolah yang berlainan.
- 6.7. Kategori pertandingan iaitu:

Bil	Kategori	Kelas
1	Sekolah Menengah	Tingkatan 1 - Tingkatan 5

- 6.8. Bentuk dan soalan kuiz:
  - 6.8.1 Pertandingan kuiz ini melalui 3 peringkat:
    - i. Peringkat saringan;
    - ii. Peringkat separuh akhir; dan
    - iii. Peringkat Akhir.

### 6.8.2 Tajuk-tajuk pertandingan kuiz:

Bil	Tajuk	Bil	Tajuk
1.	القواعد العربية	6.	الصطلاحات
2.	الثروات اللغوية	7.	الرياضة
3.	المعلومات العامة	8.	التربية
4.	الأعلام	9.	الألغاز
5.	السيرة	10.	الاجتماعي

### 6.9. Syarat pertandingan kuiz **peringkat saringan**:

- 6.9.1. Melibatkan semua pasukan yang mewakili negeri dan dijalankan serentak.
- 6.9.2. Pada peringkat ini, setiap peserta akan menjawab sebanyak **50 soalan** secara bertulis (objektif dan subjektif) dalam tempoh masa **60 minit** sahaja.
- 6.9.3. Markah akan diberi mengikut jawapan peserta:
- i. 2 markah akan diberi kepada jawapan yang tepat;
  - ii. 1 markah kepada jawapan yang hampir tepat; dan
  - iii. 0 markah untuk jawapan salah.
- 6.9.4. Semasa kuiz dijalankan, semua peserta tidak dibenarkan berbincang, menunjukkan isyarat, membantu dan sebagainya. Jika didapati berlaku demikian, juri pertandingan berhak membatalkan penyertaan peserta tersebut.
- 6.9.5. Pasukan yang berada di tempat pertama (1) hingga kesepuluh (10) sahaja akan layak ke pusingan separuh akhir.

6.10. Syarat pertandingan kuiz peringkat **separuh akhir**:

- 6.10.1. Melibatkan kesepuluh (10) pasukan yang terbaik pada peringkat saringan dan dijalankan secara serentak.
- 6.10.2. Pada peringkat ini, setiap peserta akan menjawab sebanyak sebanyak 50 soalan secara bertulis (objektif dan subjektif) dalam tempoh masa 60 minit sahaja.
- 6.10.3. Markah akan diberi mengikut jawapan peserta:
  - i. 2 markah akan diberi kepada jawapan yang tepat;
  - ii. 1 markah kepada jawapan yang hampir tepat; dan
  - iii. 0 markah untuk jawapan salah.
- 6.10.4. Semasa kuiz dijalankan, semua peserta tidak dibenarkan berbincang, menunjukkan isyarat, membantu dan sebagainya. Jika didapati berlaku demikian, juri pertandingan berhak membatalkan penyertaan peserta tersebut.
- 6.10.5. Pasukan yang berada ditempat pertama (1) hingga kelima (5) sahaja akan ke pusingan akhir.

6.11. Syarat pertandingan kuiz **peringkat akhir**:

- 6.11.1. Melibatkan lima (5) pasukan yang terbaik pada peringkat separuh akhir dan dijalankan secara serentak.
- 6.11.2. Pada peringkat ini, setiap peserta akan menjawab sebanyak 5 soalan secara bersemuka.
- 6.11.3. Setiap soalan kuiz akan dibaca sebanyak dua (2) kali oleh juru kuiz.
- 6.11.4. Peserta dikehendaki menjawab secara lisan dalam masa 20 saat selepas bacaan kedua oleh jurukuiz.
- 6.11.5. Markah akan diberi mengikut jawapan peserta:
  - i. 2 markah akan diberi kepada jawapan yang tepat;
  - ii. 1 markah kepada jawapan yang hampir tepat; dan
  - iii. 0 markah untuk jawapan salah.

- 6.11.6. Sekiranya peserta berkenaan gagal menjawab, soalan tersebut dibuka kepada peserta lain dalam pasukan yang sama dengan markah diperuntukkan.
  - 6.11.7. Semasa kuiz dijalankan, semua peserta tidak dibenarkan berbincang, menunjukkan isyarat, membantu dan sebagainya,
- 6.12. Penentuan keputusan:
- 6.12.1. Johan akan ditentukan berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperolehi peserta.
  - 6.12.2. Sekiranya berlaku persamaan markah, penentuan johan hendaklah dirujuk kepada markah Nahu terlebih dahulu kemudian diikuti dengan markah Sorof, sinonim, antonim, kata-kata hikmah, perumpamaan dan pengetahuan am (teka-teki)
- 6.13. Pihak pengajur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan.

## PENILAIAN JURI

- 6.14. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

